

## HUBUNGAN MOTIVASI BELAJAR KURSUS PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN DALAM KALANGAN PELAJAR USIM DENGAN TANGGAPAN MEREKA TERHADAP PENSYARAH KURSUS

\*Ros Aiza Mohd Mokhtar, Latifah Abdul Latiff & Abd Hakim  
Mohad

### ABSTRACT

The Ethics and Civilisations course is one of the newly-introduced university core subjects by the Ministry of Higher Education for students in public institutions of higher learning in Malaysia from September 2019. Students of Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) began taking this subject since Semester II, 2019/2020. Basically, this course is intended to expose students to the concept of ethics from various civilisational perspectives and also the key for integration process which are initiated by the Malaysian government, NGOs' and individual in the Malaysian context to strengthen social cohesion among multi-ethnic in Malaysia. Therefore, considering this is a new and important subject, this study aims to explore the correlation between USIM students' motivation in learning this course and their attitude towards their course lecturer. This study is a quantitative study that uses questionnaires as an instrument. The data is then analysed through SPSS. The results found USIM students show a high motivation in studying this course, and this is correlated to course lecturer factor that possesses good personality and ability to teach this subject. With a high motivation in studying this course, it is hoped student appreciation of this course is increased, and could aid in the process of shaping social cohesion which is the key agenda of this country. This study serves an early input for the teaching staff for this course in USIM specifically, and in other institutions of higher learning generally, for preparation and improvement in future implementations of this course in the future.

**Keywords:** *Civilization, Motivation, Attitude, Personality, PdPc*

Pusat Pengajian Teras,  
Fakulti Kepimpinan dan  
Pengurusan,  
Universiti Sains Islam Malaysia  
[rosaiza@usim.edu.my](mailto:rosaiza@usim.edu.my)

## PENDAHULUAN

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban merupakan salah satu kursus wajib universiti yang baru diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia bermula September 2019 bagi menggantikan dua kursus wajib universiti yang ditawarkan sebelum ini iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Asia serta Hubungan Etnik. Manakala di peringkat USIM pula, kursus ini telah ditawarkan buat pertama kalinya kepada pelajar tahun satu, bermula semester II, 2019/2020 (Ros Aiza, *et al.* 2020). Pada dasarnya, kursus ini dibangunkan untuk pelajar sebagai pendedahan tentang konsep etika daripada perspektif peradaban yang berbeza serta perbincangan berkenaan Tapak Integrasi iaitu usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan, NGO dan individu dalam konteks Malaysia bagi tujuan mengukuhkan kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat multi etnik di Malaysia (Shamsul Amri, 2014). Selain itu, perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam aspek politik, ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban diharap dapat melahirkan pelajar yang bermoral dan profesional (Abdul Rahman, 1999). Selain daripada penawaran kursus ini merupakan yang pertama, pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) kursus ini juga telah berubah daripada secara bersemuka kepada atas talian sepenuhnya sama ada secara segerak (*synchronous*) mahupun (*asynchronous*) bermula 1 Jun 2020 disebabkan oleh masalah covid 19 yang melanda dunia (Yi-Chi Wua, Ching-Sung Chena & Yu-Jiun Chana, 2020). Pengendalian secara atas talian kursus ini melibatkan Pdpc serta semua bentuk penilaian kursus. Perkara ini dikatakan menimbulkan pelbagai masalah kepada tenaga pengajar dan juga pelajar dalam mengikuti Pdpc yang dijalankan kerana bukan semua pelajar mempunyai capaian internet yang baik di kediaman masing-masing khususnya di kawasan kampung atau kawasan pedalaman. Dalam hal ini, negara Malaysia dikatakan belum bersedia sepenuhnya menggunakan kaedah pembelajaran atas talian berikutan kekurangan prasarana dan capaian internet terutamanya di kawasan luar bandar (Sinar Harian, 2 April 2020). Hal ini menimbulkan persoalan adakah pelajar bermotivasi mempelajari kursus ini dalam keadaan keterbatasan tenaga pengajar mengendalikan kuliah serta semua bentuk penilaian secara atas talian serta masalah-masalah teknikal yang lain seperti masalah capaian internet yang kurang baik atau lemah. Dan, adakah pensyarah mampu menarik minat atau motivasi pelajar terhadap kursus ini dalam suasana Pdpc atas talian? Oleh itu, makalah ini bertujuan meneroka hubungan motivasi belajar kursus ini dalam kalangan pelajar USIM dengan tanggapan mereka terhadap pensyarah kursus yang terbahagi kepada dua aspek iaitu personaliti pensyarah dan pengendalian Pdpc oleh pensyarah.

## KAJIAN LITERATUR

Memandangkan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban merupakan kursus yang baharu, oleh itu, belum banyak kajian khusus tentang motivasi belajar kursus ini. Walaubagaimanapun, kajian berkenaan motivasi belajar amnya telah dibincangkan oleh ramai pengkaji. Petri & Govern (2004) menjelaskan motivasi sebagai konsep yang digunakan bagi menerangkan penggerak kepada sesuatu tindakan. Motivasi merupakan konsep yang paling banyak digunakan untuk menjelaskan kegagalan atau kejayaan seseorang pelajar. Ia adalah kunci untuk belajar. Motivasi juga boleh digambarkan sebagai keinginan, emosi, akal, dorongan serta tindakan yang membawa seseorang mencapai kejayaan (Azizeh & Zohreh, 2010). Gardner (2001) pula mentakrifkan motivasi sebagai "sejauh mana seseorang individu berusaha untuk belajar (bahasa) kerana keinginan untuk melakukannya dan kepuasan yang dialami dalam aktiviti belajar tersebut". Dalam hal ini Gardner menjelaskan bahawa motivasi yang digambarkan sebagai keinginan dan kepuasan belajar merupakan perkara penting bagi seseorang individu untuk berjaya dalam pembelajaran bahasa.

Rotter (1966) telah membahagikan motivasi kepada dua kategori yang utama iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik merujuk kepada motivasi yang berasal dari dalam diri seseorang manakala motivasi ekstrinsik pula merujuk kepada motivasi dari luar individu seperti terdapat jangkakan ganjaran dari luar. Maslow (1970) mengatakan bahawa motivasi intrinsik kelihatan lebih unggul daripada ekstrinsik kerana dengannya seseorang terdorong untuk mencapai *self actualization* iaitu kemuncak kepada keperluan dalam kehidupan diri manusia. Manakala Petri & Govern (2004) turut menekankan kepentingan insentif yang merupakan motivasi ekstrinsik sebagai penggerak kepada sesuatu tindakan. Tidak kurang juga pengkaji yang berpandangan bahawa minat pelajar terhadap mata pelajaran bukan sahaja disebabkan oleh faktor dalaman pelajar tersebut, tetapi juga dipengaruhi oleh faktor persekitaran pelajar seperti pengajaran guru, pengaruh rakan sebaya, ibu bapa, kemudahan dan peralatan sekolah, isi pelajaran dan lain-lain faktor yang diklasifikasikan sebagai faktor luaran.

Hal ini kerana kaedah pengajaran guru yang jelas dan mudah akan membantu pemahaman pelajar dan meningkatkan keyakinan diri mereka untuk terus belajar. Sikap positif guru turut memberi kesan dalam meningkatkan kualiti, akhlak dan pencapaian pelajar (T. Marimuthu, 1990). Johari dan Norsuriani (2011) yang telah mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi dan minat terhadap subjek Matematik dalam kalangan pelajar sekolah menengah pula mendapati bahawa tahap motivasi dan minat pelajar terhadap subjek Matematik adalah tinggi di mana faktor luaran seperti guru dan rakan serta faktor dalaman iaitu diri sendiri dan psikologi banyak mempengaruhi motivasi dan minat pelajar terhadap Matematik tersebut. Secara umumnya, kedua-dua jenis motivasi iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik serta faktor luaran yang lain memainkan peranan penting dalam pembelajaran dan kekurangan motivasi boleh menyebabkan kegagalan kerana motivasi adalah penggerak kepada kejayaan.

Dalam masa yang sama, tanggapan juga merupakan konsep yang penting dalam pembelajaran dan pengajaran. Menurut Prodromou (1992), pelajar yang berjaya adalah pelajar yang mempunyai tanggapan positif terhadap sasaran pembelajarannya. Tanggapan telah dijelaskan sebagai keadaan kesediaan mental, dibentuk melalui pengalaman atau pengaruh dinamik terhadap tindak balas yang diberikan oleh individu terhadap situasi dan objek. Ramai bersetuju bahawa motivasi dan tanggapan positif yang tinggi terhadap pembelajaran boleh membantu untuk mencapai tujuan tertentu, namun persoalannya adalah bagaimana perkara tersebut boleh diukur (Azizeh & Zohreh, 2010). Dalam hal ini, Gardner (2004) telah memperkenalkan satu set pengukuran yang dikenali sebagai Attitude and Motivation Test Battery (AMTB). Ia merangkumi beberapa item yang mengukur semua faktor yang mempengaruhi tanggapan dan motivasi. Dalam AMTB, konsep tanggapan telah digabungkan dalam motivasi yang bermaksud bahawa tanggapan positif meningkatkan motivasi. AMTB telah digunakan oleh Gardner bagi mengukur pencapaian pelajar terhadap bahasa asing khususnya bahasa Perancis sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Item-item yang diperkenalkan oleh beliau dalam AMTB telah diterjemahkan dan digunakan oleh beberapa pengkaji dalam kajian mereka terhadap bahasa Inggeris dan juga bahasa asing secara umumnya di beberapa buah negara seperti di Brazil, Jepun, Sepanyol dan lain-lain. Tiga konstruk utama yang terdapat dalam AMTB adalah motivasi (*motivation*), integrasi (*integrativeness*) dan tanggapan terhadap situasi pembelajaran (*attitude towards learning situation*) (Lalonde & Gardner, 1985). Antara perkara yang dinilai dalam konstruk motivasi adalah keinginan untuk belajar dan sikap belajar. Konstruk tanggapan terhadap situasi pembelajaran (*attitude towards learning situation*) pula menurut Gardner (2000), merupakan tanggapan terhadap aspek-aspek dalam situasi pembelajaran contohnya dalam konteks sekolah atau institusi pendidikan, ia merujuk kepada tanggapan terhadap guru atau pensyarah, kursus, rakan sekelas, bahan, aktiviti tambahan kurikulum yang berkaitan dengan kursus dan lain-lain. Manakala konstruk integrasi pula dibina bersesuaian dengan pembelajaran bahasa asing sahaja dan tidak sesuai bagi pembelajaran subjek lain (Masumeh Taie & Asghar Afshari, 2015).

Antara pengkaji yang telah mengadaptasi AMTB dalam kajian mereka adalah Azizeh & Zohreh, (2010), Nordin Halias (2016), Ni Kadek dan Teguh (2017). Azizeh & Zohreh, (2010) yang mengkaji tentang motivasi dan tanggapan pelajar universiti terhadap bahasa Inggeris telah mengadaptasi AMTB dengan menggunakan kesemua 104 item dalam AMTB, namun mereka mengubahsuai beberapa ayat agar sesuai dengan pemahaman responden kajian mereka. Hasil kajian mereka mendapati pelajar bermotivasi belajar bahasa Inggeris sama ada motivasi intrinsik mahupun motivasi ekstrinsik. Nordin Halias (2016) dalam kajian PhD beliau tentang komunikasi non-verbal dalam pengajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama pula telah menyaring, mengadaptasi serta mengubahsuai soal selidik AMTB dalam membina soal selidik beliau khususnya dalam konstruk motivasi pelajar bahasa Arab. Manakala, Ni Kadek dan Teguh (2017) yang mengkaji tentang tanggapan terhadap guru, motivasi dan pencapaian pelajar pula turut mengadaptasi AMTB ke dalam dua konstruk soal selidik mereka iaitu konstruk tanggapan (*attitude*) dan konstruk motivasi. Kajian mereka mendapati bahawa terdapat hubungan yang tinggi antara tanggapan positif pelajar terhadap guru dengan motivasi belajar, seterusnya hubungan yang tinggi juga antara motivasi pelajar dengan pencapaian mereka dalam bahasa Inggeris.

Kajian berkenaan personaliti serta peribadi pensyarah pula telah dibuat oleh beberapa orang pengkaji. Menurut Syafiqah Solehah & Tengku Sarina Aini (2017), personaliti telah didefinisikan dengan pelbagai definisi. Ia merujuk kepada pelbagai aspek dalam diri seseorang sama ada cara berfikir, bertingkah laku, cara memaparkan perasaan atau emosi mereka, penampilan dan ketrampilan seseorang, cara berhubung dan berkomunikasi dan pelbagai lagi. Tiada definisi khusus yang dapat menggambarkan personaliti kerana personaliti seseorang itu dapat dilihat

ketika mereka menonjolkan diri mereka kepada orang lain dan ia tidak dikhususkan kepada mana-mana aspek yang ditonjolkan. Walau bagaimanapun menurut beliau, seorang guru atau pensyarah harus mempunyai personaliti yang baik seperti baik hati, berbudi pekerti, merendah diri, jenaka, ramah, mesra, sabar, bertanggung jawab, jujur, semangat berbakti, yakin, berkepimpinan dan bersifat profesional seperti berpengetahuan ikhtisas, suka membaca, mahir berkomunikasi, mempunyai daya ingatan yang baik, serta berdaya usaha untuk meningkatkan pengajaran supaya menarik dan berkesan. Beliau telah mengklasifikasikan personaliti guru kepada empat konstruk iaitu penampilan, komunikasi, tingkah laku dan emosi. Dapatan kajian beliau menunjukkan majoriti guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah terpilih mempunyai ciri-ciri personaliti yang baik berdasarkan keempat-empat konstruk tersebut dengan skor min antara 4.35 (konstruk tingkah laku) hingga 4.63 (konstruk penampilan). Kamarul Azmi, *et. al* (2009) juga telah menjelaskan bahawa guru atau pensyarah perlu mempunyai penampilan dan akhlak baik dalam dirinya seperti tidak memperkecilkan kebolehan murid, penyayang, mesra dengan pelajar dan tidak berbohong. Faizah (2013) pula telah mengkaji profil personaliti pensyarah yang cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan sistem penilaian pengajaran pensyarah. Beliau mengelaskan ciri-ciri personaliti pensyarah cemerlang menggunakan Teori Personaliti Big Five yang mempunyai lima domain teras iaitu neurotisme (*neuroticism*), ekstraversi (*extroversion*), keterbukaan terhadap pengalaman (*openness to experience*), kepersetujuan (*agreeableness*) dan kehematan (*conscientiousness*). Neurotisme atau dalam istilah lainnya iaitu kestabilan emosi rendah merujuk kepada individu yang mempunyai perasaan bimbang yang melampau, tertekan, mudah risau dan terlalu tinggi waspadanya. Ekstraversi pula merujuk kepada individu yang suka bersosial, peramah dan mudah mesra. Manakala, keterbukaan merujuk kepada individu yang berminat dan suka mencuba sesuatu perkara serta pengalaman yang baharu. Kepersetujuan pula adalah sifat asas dalam emosi individu seperti suka membantu, lembut hati, budi bahasa. Manakala yang terakhir iaitu kehematan pula menerangkan sikap, tekun, disiplin, teratur dan bertanggung jawab. Kajian Faizah (2013) mendapati secara keseluruhannya pensyarah cemerlang memiliki tret personaliti neurotisme yang rendah, tret personaliti ekstraversi dan tret personaliti keterbukaan yang sederhana, serta tret personaliti kepersetujuan dan tret personaliti kehematan yang tinggi. Dapat disimpulkan bahawa dapatan beliau menunjukkan bahawa pensyarah yang cemerlang dikaitkan dengan personaliti yang positif seperti tenang serta memiliki keyakinan diri yang tinggi, memiliki hubungan yang baik dengan pelajar dan rakan sekerja, memiliki daya imaginasi yang tinggi bagi membolehkannya memberikan pelbagai contoh yang dapat membantu pelajar-pelajarnya untuk memahami sesuatu konsep, saling menyayangi dan mempercayai serta bersedia berkongsi idea dan nilai dan juga seorang yang bersifat sangat teratur, bercita-cita tinggi serta mementingkan kesempurnaan dalam melaksanakan tugas. Fatimah wati, *et. al* (2015) dalam kajiannya terhadap personaliti dan nilai peribadi asas Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) dalam sektor awam pula mendapati bahawa nilai peribadi asas yang paling tinggi dalam kalangan PTD adalah berdisiplin, ikhlas dan berjiwa bersih. Seterusnya diikuti oleh tekun, berdedikasi, bekerjasama, bersederhana, bertanggung jawab dan amanah. Kajian beliau menunjukkan terdapat pengaruh langsung faktor personaliti kehematan, keterbukaan dan kepersetujuan yang signifikan terhadap nilai peribadi asas PTD. Sebaliknya faktor personaliti neurotisme dan ekstrovert adalah tidak signifikan atau tidak mempengaruhi nilai peribadi asas PTD. Dapatan kajian Latifah, *et. al* (2020) juga menunjukkan persepsi pelajar terhadap pensyarah kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) adalah sangat positif iaitu pensyarah mempunyai personaliti yang baik dan berkeupayaan dalam penyampaian kursus tersebut. Kajian lepas berkenaan personaliti dan peribadi pensyarah ini sedikit sebanyak membantu pengkaji membina item soal selidik.

Kajian berkenaan Pdpc pensyarah juga telah dibuat oleh beberapa pengkaji antaranya ialah tentang pengajaran pensyarah yang berkesan berdasarkan persepsi pelajar oleh Normala & Mohamad Kamil Ariff (2012). Menurut beliau, terdapat empat faktor yang mempengaruhi pengajaran berkesan oleh pensyarah iaitu persediaan, perancangan dan pelaksanaan pengajaran, pengetahuan dan pengalaman mengajar, sensitiviti dan penilaian pengajaran. Dapatan kajian beliau menunjukkan persepsi pelajar terhadap pengajaran berkesan oleh pensyarah kursus Ekonomi di universiti terbabit menunjukkan pengetahuan dan pengalaman mengajar (pensyarah perlu mempelbagaikan tugas dan aktiviti supaya pembelajaran menyeronokkan, pensyarah hendaklah melibatkan pelajar dengan aktif, pensyarah hendaklah memberi rangsangan kepada pelajar, pensyarah hendaklah selalu memberi galakan, pensyarah hendaklah menggalakkan pelajar bertanya soalan dan pensyarah mestilah menggunakan alat bantuan mengajar) adalah paling signifikan. Zainora & Muhammad Lukman (2019) dalam kajiannya tentang persepsi pelajar terhadap pengajaran dan Pembelajaran Qiraat di USIM pula mencadangkan pensyarah perlu melibatkan pelajar secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan mengamalkan kaedah berpusatkan pelajar serta menambah baik alat bantu mengajar agar pengajaran menjadi lebih menarik

dan efektif selari dengan perkembangan multimedia terkini. Kajian lepas berkenaan Pdpc pensyarah ini sedikit sebanyak membantu pengkaji membina item soal selidik.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Instrumen dibina berpandukan kepada Attitude/Motivation Test Battery (AMTB) yang dikembangkan oleh Gardner (2004). Terdapat tiga konstruk utama dalam AMTB iaitu motivasi (*motivation*), integrasi (*integrativeness*) dan tanggapan terhadap situasi pembelajaran (*attitude towards learning situation*). Antara konstruk yang digunakan dalam soal selidik ini adalah konstruk motivasi (*motivation*) dan tanggapan terhadap situasi pembelajaran (*attitude towards learning situation*) dengan mengubah suai item agar sesuai dengan tujuan kajian serta kursus atau subjek yang terlibat iaitu kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Oleh itu, soal selidik kajian ini terdiri daripada enam bahagian iaitu; demografi responden, motivasi belajar kursus Penghayatan Etika dan Peradaban, tingkahlaku/tabiab belajar, personaliti pensyarah, pengendalian Pdpc pensyarah dan kekuatan kursus tersebut. Walau bagaimanapun, makalah ini akan memfokuskan perbincangan tentang hubungan motivasi belajar kursus ini dalam kalangan pelajar USIM dengan tanggapan mereka terhadap personaliti dan pengendalian Pdpc pensyarah mereka sahaja. Dengan itu, hipotesis kajian ini adalah;

- H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi belajar kursus ini dalam kalangan pelajar USIM dengan tanggapan terhadap personaliti pensyarah mereka.
- H2: Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi belajar kursus ini dalam kalangan pelajar USIM dengan tanggapan terhadap Pdpc pensyarah mereka.

Soal selidik telah diedarkan kepada pelajar tahun satu Universiti Sains Islam Malaysia dari fakulti yang berbeza. Sebanyak 400 soal selidik telah dianalisis. Prosedur persampelan rawak digunakan dalam kajian ini. Kebolehpercayaan instrumen telah diuji dengan Alpha Cronbach. Nilai Alpha Cronbach bagi tiga konstruk yang dibincangkan dalam kertas kerja ini adalah sebagaimana Jadual 1 berikut:

Jadual 1

### Kebolehpercayaan Alatan Kajian

Kategori Konstruk	Bilangan Item	Bilangan Responden	Nilai Alfa
Motivasi Belajar	9	400	.846
Personaliti Pensyarah	6	400	.877
Pdpc Pensyarah	8	400	.937

Berdasarkan analisis yang dijalankan, nilai alpha ialah .846 bagi konstruk Motivasi Belajar Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban, .877 bagi konstruk Tanggapan terhadap Personaliti Pensyarah Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban, manakala .937 pula bagi konstruk Tanggapan terhadap Pdpc Pensyarah Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi kerana nilai alpha melebihi 0.8 (Cohen, Manion & Morrison, 2011). Data seterusnya dianalisis menggunakan SPSS. Ujian Pearson Correlation digunakan untuk menguji hipotesis kajian ini.

## DAPATAN KAJIAN

### Profil Responden

Kajian yang dijalankan ini melibatkan seramai 400 orang pelajar tahun 1 USIM yang telah mengambil kursus Penghayatan Etika dan Peradaban pada semester 1I, 2019/2020. Perincian berkenaan maklumat demografi responden dalam kajian ini diringkaskan ke dalam Jadual 2 dan Jadual 3 berikut:

Jadual 2

*Demografi Responden*

Perkara	Perincian	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	107	26.8
	Wanita	293	73.3
Fakulti	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP)	95	23.8
	Fakulti Sains dan Teknologi (FST)	90	22.5
	Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU)	215	53.8

Jadual 3

*Taburan Jantina dan Fakulti*

		Fakulti			Total
		FKP	FST	FSU	
Jantina	Lelaki	21	22	64	107
	Perempuan	74	68	151	293
	Total	95	90	215	400

**Analisis Deskriptif**

Bahagian ini akan melaporkan secara deskriptif skor min bagi konstruk motivasi belajar kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam kalangan pelajar USIM (Jadual 4), tanggapan pelajar terhadap personaliti pensyarah kursus (Jadual 5) dan tanggapan pelajar terhadap pengendalian Pdpc pensyarah kursus (Jadual 6).

Jadual 4

*Motivasi Belajar Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*

Motivasi Belajar Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban	Skor Min	Sisihan Piawaian
1. Saya sentiasa bersedia untuk belajar subjek Penghayatan Etika dan Peradaban.	4.2450	.63323
2. Saya berusaha memberi perhatian terhadap kuliah yang disampaikan.	4.0725	.62307
3. Saya suka terlibat secara aktif dalam perbincangan atau menjawab soalan dalam kuliah.	3.5050	.82564
4. Saya mahu mendapat markah yang baik dalam ujian, kuiz, tugas dan projek.	4.8250	.44707
5. Saya berasa kecewa sekiranya kuliah dibatalkan.	3.8425	.85118
6. Saya berusaha memberi perhatian yang lebih terhadap topik-topik kursus PEP yang sukar.	4.1800	.70983
7. Saya suka belajar kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.	4.3175	.67292
8. Saya berpendapat kursus Penghayatan Etika dan Peradaban harus diajar di universiti.	4.4900	.66784
9. Saya berpendapat subjek Penghayatan Etika dan Peradaban sangat relevan pada masa kini.	4.5300	.60830

Jadual 4 menunjukkan tahap motivasi belajar kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam kalangan pelajar USIM. Secara keseluruhan skor min bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 3.505 hingga 4.825. Skor min yang tertinggi adalah bagi item "Saya mahu mendapat markah yang baik dalam ujian, kuiz, tugas dan projek", manakala skor min yang terendah adalah bagi item "Saya suka terlibat secara aktif dalam perbincangan atau menjawab soalan dalam kuliah". Hal ini menunjukkan tahap motivasi belajar kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam kalangan pelajar USIM adalah tinggi.

Jadual 5

*Tanggapan terhadap Personaliti Pensyarah kursus PEP*

Tanggapan terhadap Personaliti Pensyarah kursus PEP	Skor Min	Sisihan Piawaian
1. Pensyarah PEP mempunyai hubungan yang baik dengan pelajar.	4.6450	.56104
2. Pensyarah PEP berkeyakinan dalam mengajar kursus PEP.	4.7075	.51245
3. Pensyarah PEP tegas terhadap pelajar yang tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.	4.3825	.64981
4. Pensyarah PEP memahami masalah dan kekangan pelajar.	4.4275	.81018
5. Pensyarah PEP bersikap terbuka terhadap cadangan dan pendapat pelajar.	4.5950	.61800
6. Pensyarah PEP selalu menepati masa.	4.4925	.61309

Jadual 5 pula menunjukkan tanggapan pelajar terhadap personaliti pensyarah kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Secara keseluruhan, skor min bagi konstruk ini juga adalah tinggi iaitu antara 4.4275 hingga 4.7075. Skor min yang tertinggi adalah bagi item "Pensyarah PEP berkeyakinan dalam mengajar kursus PEP", manakala skor min yang terendah adalah bagi item "Pensyarah PEP memahami masalah dan kekangan pelajar". Hal ini menunjukkan tanggapan pelajar terhadap Personaliti Pensyarah kursus Penghayatan Etika dan Peradaban adalah positif.

Jadual 6

*Tanggapan Terhadap Pdpc Pensyarah kursus PEP*

Tanggapan Terhadap Pdpc Pensyarah kursus PEP	Skor Min	Sisihan Piawaian
1. Pensyarah PEP menerangkan objektif pembelajaran dengan jelas pada permulaan setiap topik.	4.5650	.58449
2. Pensyarah PEP menerangkan setiap topik dengan jelas.	4.6450	.56990
3. Pensyarah PEP memberi kuliah secara teratur dan sistematik mengikut garis panduan kursus.	4.5725	.60470
4. Pensyarah PEP sentiasa mengaitkan topik kursus dengan isu semasa.	4.6700	.53085
5. Pensyarah menjadikan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban menarik untuk dipelajari.	4.4725	.64830
6. Pensyarah memupuk minat pelajar untuk belajar kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.	4.3650	.68772
7. Pensyarah mengajak pelajar menghormati perbezaan etnik dalam konteks Malaysia.	4.5350	.57411
8. Pensyarah PEP menggunakan pelbagai kaedah pengajaran, alat bantu mengajar dan teknik dalam pengajaran kursus FIS.	4.2925	.71989

Manakala, Jadual 6 pula menunjukkan tanggapan pelajar terhadap Pdpc pensyarah kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Secara keseluruhan, skor min bagi konstruk ini juga adalah tinggi iaitu antara 4.3650 hingga 4.6700. Skor min yang tertinggi adalah bagi item "Pensyarah PEP sentiasa mengaitkan topik kursus dengan isu semasa", manakala skor min yang terendah adalah bagi item "Pensyarah memupuk minat pelajar untuk belajar kursus Penghayatan Etika dan Peradaban". Hal ini menunjukkan tanggapan pelajar terhadap Pdpc Pensyarah kursus Penghayatan Etika dan Peradaban adalah positif.

## PENGUJIAN HIPOTESIS

Hipotesis diuji menggunakan Ujian Pearson Correlation. Hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan agak tinggi antara motivasi belajar kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dengan tanggapan pelajar terhadap personaliti pensyarah kursus dengan bacaan .610. Dalam masa yang sama, hubungan juga signifikan dan agak tinggi antara motivasi belajar kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dengan tanggapan pelajar terhadap Pdpc pensyarah kursus dengan bacaan .676. Hasil ujian adalah sebagaimana Jadual 7 dan Jadual 8 berikut.

Jadual 7

*Hubungan antara Motivasi Belajar Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dengan Tanggapan Pelajar Terhadap Personaliti Pensyarah Kursus*

		Min_ Motivasi Belajar	Min_ Tanggapan Terhadap Personaliti Pensyarah
Min_ Motivasi Belajar	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	1	.610**
	N	.	.000
		400	400
Min_ Tanggapan Terhadap Personaliti Pensyarah	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	.610**	1
	N	.000	.
		400	400

Jadual 8

*Hubungan antara Motivasi Belajar Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dengan Pdpc Pensyarah Kursus*

		Min_ Motivasi Belajar	Min_ Tanggapan Terhadap Pdpc Pensyarah
Min_ Motivasi Belajar	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	1	.676**
	N	.	.000
		400	400
Min_ Tanggapan Terhadap Pdpc Pensyarah	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	.676**	1
	N	.000	.
		400	400

## PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan tahap motivasi belajar kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam kalangan pelajar USIM adalah baik walaupun kursus ini merupakan satu kursus yang baharu dan masih di peringkat awal penawaran. Dalam masa yang sama, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, kursus ini telah terkesan akibat covid 19 yang melanda dunia. Akibatnya, pengendalian kursus ini telah tertangguh selama 10 minggu setelah ia dikendalikan selama 4 minggu secara bersemuka, sebelum Kerajaan Malaysia mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 (Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai COVID-19, 16 Mac 2020). Setelah 10 minggu tertangguh, pengendalian kursus ini disambung semula, secara atas talian sepenuhnya melibatkan Pdpc dan semua penilaian kursus. Namun, berdasarkan dapatan kajian ini, hal ini tidak melemahkan motivasi belajar kursus ini dalam kalangan pelajar USIM. Secara keseluruhan skor min bagi konstruk motivasi belajar ini adalah tinggi iaitu 3.505 hingga 4.825. Skor min yang tertinggi adalah bagi item "Saya mahu mendapat markah yang baik dalam ujian, kuiz, tugasan dan projek". Hal ini selari dengan kenyataan Rotter (1966) yang telah menjelaskan wujudnya faktor ekstrinsik iaitu motivasi dari luar individu seperti terdapat jangkaan ganjaran dari luar yang menjadikan seseorang bermotivasi terhadap sesuatu. Dalam hal ini, bolehlah dikatakan bahawa pelajar bermotivasi belajar kursus ini kerana mereka ingin mendapat ganjaran berupa markah yang baik dalam ujian, kuiz, tugasan dan projek. Manakala skor min yang terendah adalah bagi item "Saya suka terlibat secara aktif dalam perbincangan atau menjawab soalan dalam kuliah". Hal ini boleh dikaitkan dengan sikap pelajar USIM yang rata-rata adalah Melayu yang lazim dikaitkan dengan pemalu dan tidak suka menonjolkan diri (Swettenham, 2005). Perkara ini turut diketengahkan dalam kajian Zainora & Muhammad Lukman (2019) dan



beliau juga telah mencadangkan supaya pensyarah melibatkan pelajar secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan mengamalkan kaedah berpusatkan pelajar. Dapat diperhatikan juga bahawa skor min bagi item "Saya berasa kecewa sekiranya kuliah dibatalkan" juga agak baik iaitu 3.8425. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar turut menganggap bahawa kursus ini penting dan merasa rugi sekiranya tertinggal kelas atau kuliah oleh pensyarah. Perkara yang lebih menarik ialah skor min bagi item "Saya berpendapat kursus Penghayatan Etika dan Peradaban harus diajar di universiti" adalah tinggi iaitu 4.4900. Perkara ini secara langsung menunjukkan bahawa pelajar menyedari kepentingan kursus ini dan bersedia memanfaatkan apa yang dipelajari daripada kursus ini.

Selain itu, bagi konstruk tanggapan pelajar terhadap personaliti pensyarah kursus Penghayatan Etika dan Peradaban juga adalah tinggi iaitu 4.4275 hingga 4.7075. Skor min yang tertinggi adalah bagi item "Pensyarah PEP berkeyakinan dalam mengajar kursus PEP", Hal ini selari dengan dapatan Faizah (2013) yang telah mengkaji profil personaliti pensyarah yang cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan sistem penilaian pengajaran pensyarah. Dapatan beliau menunjukkan bahawa pensyarah yang cemerlang dikaitkan dengan personaliti yang positif seperti tenang serta memiliki keyakinan diri yang tinggi khususnya dalam mengendalikan pelajar dan Pdpc. manakala skor min yang terendah adalah bagi item "Pensyarah PEP memahami masalah dan kekangan pelajar". Perkara ini juga disokong oleh dapatan Faizah (2013) yang menjelaskan bahawa personaliti pensyarah yang cemerlang berdasarkan kajiannya mempunyai tret personaliti ekstraversi yang sederhana, Walau bagaimanapun, mereka masih memiliki sifat saling menyayangi dan mempercayai serta bersedia berkongsi idea dan nilai dalam banyak keadaan. Manakala bagi konstruk tanggapan pelajar terhadap Pdpc pensyarah kursus Penghayatan Etika dan Peradaban juga adalah tinggi iaitu 4.3650 hingga 4.6700. Skor min yang tertinggi adalah bagi item "Pensyarah PEP sentiasa mengikuti perkembangan semasa", manakala skor min yang terendah adalah bagi item "Pensyarah berjaya memupuk minat pelajar untuk belajar kursus Penghayatan Etika dan Peradaban". Hal ini disokong oleh dapatan Normala & Mohamad Kamil Ariff (2012) yang menjelaskan empat faktor yang mempengaruhi pengajaran berkesan oleh pensyarah iaitu persediaan, perancangan dan pelaksanaan pengajaran, pengetahuan dan pengalaman mengajar, sensitiviti dan penilaian pengajaran. Perkara-perkara seperti pensyarah mempelbagaikan tugas dan alat bantuan mengajar supaya pembelajaran menyeronokkan, melibatkan pelajar dengan aktif, memberi rangsangan dan galakan supaya pelajar bertanya soalan adalah paling signifikan. Dapatan kajian ini menunjukkan tanggapan pelajar terhadap pensyarah kursus sama ada berkaitan personaliti mahupun pengendalian Pdpc adalah positif. Dalam masa yang sama, terdapat hubungan yang signifikan dan agak tinggi antara motivasi belajar kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dengan tanggapan pelajar terhadap personaliti pensyarah kursus dengan bacaan .610, manakala hubungan antara motivasi belajar kursus PEP dengan tanggapan pelajar terhadap Pdpc pensyarah pula adalah .676. Hal ini menunjukkan tanggapan positif pelajar terhadap pensyarah turut menyumbang kepada tahap motivasi belajar kursus PEP yang tinggi dalam kalangan pelajar USIM. Dapatan ini disokong oleh kajian-kajian terdahulu. Antaranya ialah T. Marimuthu (1990) yang menegaskan bahawa sikap positif guru turut memberi kesan dalam meningkatkan kualiti, akhlak dan pencapaian pelajar. Manakala, Johari dan Norsuriani (2011) pula mendapati bahawa tahap motivasi dan minat pelajar terhadap subjek turut dipengaruhi oleh faktor luaran seperti guru dan rakan. Ros Aiza et. al (2019) turut menjelaskan faktor luaran seperti tenaga pengajar, rakan dan kursus menyumbang kepada tanggapan positif pelajar terhadap pembelajaran secara *blended learning* bagi kursus TITAS.

## KESIMPULAN

Dapatlah disimpulkan bahawa kajian ini menunjukkan bahawa motivasi belajar kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam kalangan pelajar USIM adalah tinggi dan hal ini dapat dikaitkan dengan salah satu faktor luaran iaitu personaliti dan pengendalian Pdpc pensyarah kursus PEP. Hal ini merupakan sesuatu yang sangat positif kerana sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, kursus ini pertama kali ditawarkan dengan bilangan pelajar yang ramai dalam sesebuah kelas dan dalam masa yang sama, pelaksanaan PdPc kursus ini juga telah berubah daripada secara bersemuka kepada atas talian sepenuhnya sama ada secara segerak (*synchronous*) mahupun (*asynchronous*) bermula 1 Jun 2020 disebabkan oleh masalah covid 19 yang melanda dunia. Dengan itu, dapatan kajian ini penting serta memberi motivasi kepada semua yang terlibat sama ada di pihak penggubal kursus mahupun di pihak pelaksana iaitu tenaga pengajar yang mengajar kursus ini.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Md Aroff. (1999). *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Azizeh Chalak & Zohreh Kassaian. 2010. Motivation And Attitudes Of Iranian Undergraduate EFL Students Towards Learning English. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 10 (2), 37-56.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2011). *Research Method in Education*. 7<sup>th</sup> edition. London & New York: Routledge.
- Faizah Abd Ghani & Zuhaili Binti Mohd Arshad. 2013. Profil Personaliti dalam Kalangan Pensyarah UTM yang Cemerlang dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Penilaian Pengajaran Pensyarah. *Jurnal Teknologi*. 60, 49-56.
- Fatimah wati Halim, Muhammad Zahir Mazlan & Fatimah Omar. 2015. Personaliti dan Nilai Peribadi Asas Pegawai Tadbir Diplomatik dalam Era Transformasi Sektor Awam. *Jurnal Psikologi Malaysia* 29 (1), 75-83.
- Gardner, R. C. (2000). Correlation, causation, motivation and second language acquisition. *Canadian Psychology* 41(1), 10-24.
- Gardner, R. C. (2004). "Attitude/Motivation Test Battery: International AMTB Research Project." The University of Western Ontario, Canada. <https://publish.uwo.ca/~gardner/docs/englishamtb.pdf>
- Johari Hassan & Norsuriani Ab Aziz. Hassan. (2011). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Minat Terhadap Matematik di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1-7. <http://eprints.utm.my/id/eprint/11972/>
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2009. Sifat Dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya Dengan Motivasi Pelajar. *Jurnal Teknologi*. 51 (E), 57-71.
- Lalonde, R. N. & Gardner, R. C. (1985) On the predictive validity of the attitude/motivation test battery, *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 6:5, 403-412, DOI: 10.1080/01434632.1985.9994214.
- Latifah Abdul Latiff, Ros Aiza Mohd Mokhtar & Abd Hakim Mohad. 2020. Analisis Deskriptif Pelajar Terhadap Pensyarah Falsafah dan Isu Semasa (FIS). E-Proceedings of The International Conference on Aqidah, Religions and Social Sciences (SIGMA 10). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Maslow, A. (1970). *Motivation and personality*. New York: Harper and Row.
- Masumeh Taie & Asghar Afshari. 2015. A Critical Review on the Socio-educational Model of SLA. *Theory and Practice in Language Studies* 5 (3), 605-612.
- Ni Kadek Ary Susandil, Teguh Khaerudin. (t.t.). Attitudes Toward Teachers, Motivation And Learning Achievement: The Case Of Indonesian Efl Students. <https://media.neliti.com/media/publications/229696-attitudes-toward-teachers-motivation-and-e2d2b8c5.pdf>
- Nordin Halias. 2016. Komunikasi Nonverbal dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Normala Ismail & Mohamad Kamil Ariff Khalid. 2012. Pengajaran pensyarah yang berkesan. *e-Academia Journal*. 1 (2), 40-48.
- Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai COVID-19, 16 Mac 2020. <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-covid-19-16-mac-2020-2/?fbclid=IwAR0J7AQXaKq-n-gW23n4m7VKb072wuZhJDMvbynkjTbnGdealZalvFeGBc8>
- Petri, L. H. & Govern, M. J. (2004). *Motivation: Theory, Research and Applications*. 5<sup>th</sup> edition. USA: Wadsworth/Thommson Learnig.
- Prodromou, L. (1992). What culture? Which culture? Cross-cultural factors in language learning. *ELT Journal* 46 (1), 39-50.
- Ros Aiza Mohd Mokhtar, Abd Hakim Mohad, Latifah Abdul Latiff & Mashitah Sulaiman. (2019). "Blended Learning dalam Kurus TITAS: Kajian Terhadap Penggunaan TITAS MOOCs Dalam Kalangan Pelajar UMS." *Jurnal Sains Insani (JSI)*, 4(1), hlm. 54-60.
- Ros Aiza Mohd Mokhtar, Latifah Abdul Latiff & Abd Hakim Mohad. 2020. Minat dan Sikap Belajar Pelajar USIM Terhadap Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. E-Proceedings of The International Conference on Aqidah, Religions and Social Sciences (SIGMA 10). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rotter, J. B. (1966). Generalized expectancies for internal versus external control of reinforcement. *Psychological Monographs*, 80.

- Shamsul Amri Baharuddin. (Ed.). (2014). *Modul Hubungan Etnik (Kedua)*. Bangi: Institut Kajian Etnik UKM.
- Sinar Harian. 2 April 2020. Cabaran mengajar dalam talian. <https://www.sinarharian.com.my/article/76874/BERITA/Nasional/Cabaran-mengajar-dalam-talian>
- Swettenham, Frank Athelstane. 2005. *Perihal orang Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2017. Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pembinaan Sahsiah Pelajar: Satu Tinjauan Awal Terhadap Guru Pendidikan Islam Di Daerah Marang, Terengganu. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*. 2 (Special Issue), 36-53.
- T. Marimuthu. 1990. *Sosiologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Yi-Chi Wua, Ching-Sung Chena, Yu-Jiun Chana. 2020. The outbreak of COVID-19: An overview. *Journal of China Medical Association*. 83 (3): 217-220.
- Zainora Daud & Muhammad Lukman Ibrahim. 2019. Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat di USIM. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*. 3(2), 46-53.